

# Pelajar tak dibenar tukar sekolah, aliran

## Tawaran ke Tingkatan Empat asrama penuh muktamad

B.H 13/01/08 MIS 23

Oleh Khairina Yasin

**L**ULUSAN Penilaian Menengah Rendah 2007 yang ditawarkan memasuki Tingkatan Empat di sekolah berasrama penuh (SBP) tahun ini diingatkan supaya tidak membuat sebarang rayuan pertukaran sekolah dan aliran kerana tawarannya adalah muktamad.

Pengarah Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran, Zulkifly Mohd Wazir, berkata tambahan pula tawaran kepada lulusan terbabit dibuat berdasarkan pilihan mereka sendiri menerusi borang permohonan masing-masing.

“Setiap permohonan memasuki Tingkatan Empat di SBP diasingkan mengikut aliran pilihan pelajar; selain memenuhi syarat ditetapkan.

“Sehubungan itu, sebarang rayuan pertukaran-aliran atau sekolah selepas penawaran tidak akan dilayan,” katanya kepada *Berita Ha-*

rian semalam.

Bagi kemasukan tahun ini, beliau berkata, pihaknya menerima 42,740 permohonan daripada lulusan PMR bagi mengisi 3,800 tempat Tingkatan Empat di semua SBP.

Daripada jumlah itu, katanya, 29,580 permohonan memasuki aliran sains tulen yang menyediakan 2,430 tempat, diikuti 7,615 aliran sains teknikal (560 tempat), 4,690 aliran sains agama (720 tempat) dan 855 agama iktisas (90 tempat).

Mengenai pemilihan pelajar mengikut jantina, Zulkifly berkata, sejumlah 2,170 tempat untuk lelaki manakala 1,630 lagi perempuan mengikut kuota ditetapkan.

Beliau berkata, keputusan pelajar terpilih memasuki Tingkatan Empat di sekolah berkenaan akan dimaklumkan selewat-lewatnya 28 Januari ini dan ia juga boleh disemak melalui laman web Kementerian Pelajaran di alamat: [www.emoe.gov.my](http://www.emoe.gov.my).

### FAKTA NOMBOR

#### Tingkatan Empat SBP

54

Sekolah

42,740

Jumlah permohonan

3,800

Tempat disediakan

Sambil menjelaskan semua 54 SBP menawarkan tempat, katanya, hanya enam membuat pengambilan bermula Tingkatan Empat iaitu Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang; Sekolah Menengah Sains (SMS) Muar; SMS Seremban; SMS Kuala Terengganu; SMS Seri Puteri dan SMS Alam Shah.

“Dari segi syarat kelayakan akademik, tiada perubahan. Calon mesti memperoleh sekurang-kurangnya gred A dalam enam mata pelajaran, tidak termasuk bahasa antarabangsa (bahasa asing). Mesti A dalam Sains dan Matematik dan sekurang-kurangnya B mata pelajaran lain.

“Untuk aliran agama atau sains agama, calon mesti A dalam Pendidikan Islam dan sekurang-kurangnya C Bahasa Arab (Komunikasi),” katanya.

Beliau berkata, pemilihan pelajar ke SBP turut mengambil kira beberapa faktor lain antaranya calon luar bandar dan anak keluarga miskin serta aktif kokurikulum.